



NOTIS SEBUT HARGA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK PERKHIDMATAN	KOD BIDANG BEKALAN
JKSPk.1/2025	KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) MAHKAMAH SYARIAH TAIPING	220801
JKSPk.2/2025	KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) MAHKAMAH SYARIAH MANJUNG	220801
JKSPk.3/2025	MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN SERTA PENYENGGARAAN SENITAMAN MAHKAMAH SYARIAH TAIPING	221001, 221002, 221003 dan 221402
JKSPk.4/2025	MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN SERTA PENYENGGARAAN SENITAMAN MAHKAMAH SYARIAH TELUK INTAN	221001, 221002, 221003 dan 221402
JKSPk.5/2025	MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN SERTA PENYENGGARAAN SENITAMAN MAHKAMAH SYARIAH GERIK	221001, 221002, 221003 dan 221402

2. Dokumen Sebut Harga dengan syarat-syarat yang ditentukan boleh diperolehi secara percuma dengan mengisi borang permohonan secara online melalui pautan *link* yang disertai bersama *QR code* sehingga 4 Oktober 2024. Sekiranya permohonan berjaya, urusetia akan menghantar e-mel dokumen sebut harga yang dipohon.

[**TEKAN ---> CAPAIAN BORANG SARINGAN**](#)



3. Dokumen Sebut Harga dalam bentuk Salinan Cetak (*Hard Copy*) yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis mengikut “**NO. SEBUT HARGA**” pada atas sudut sebelah kiri sampul dan di alamatkan seperti alamat di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang terletak di Aras 3, Bhg. Khidmat Pengurusan, Jabatan Kehakiman Syariah Perak.

**JAWATANKUASA SEBUT HARGA
ARAS 3, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK
JALAN TAN SRI HAJI HARUSSANI
30100 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN**

TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 TENGAHARI PADA 4 OKTOBER 2024

4. Penyebut Harga juga dibenarkan menghantar Dokumen Sebut Harga menggunakan pelbagai jenis pos sama ada berdaftar atau tidak dengan menggunakan alamat di atas. Walaubagaimana pun, Pentadbiran ini tidak bertanggungjawab terhadap sebut harga yang lewat atau hilang jika dihantar melalui pos. Semua kos yang berkaitan dengan penghantara dokumen tersebut di atas adalah tanggungjawab pembekal.

5. Jabatan ini tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran dan berhak membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Sekian dan terima kasih.

**YAA. Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak**